



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerja-Kerja Penyiataan Tanah Dan Ujian Makmal Bagi Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Tamu Square Cultural Street Ranau, Sabah NO.SEBUTHARGA KPKT/BPJ/UB/SH/ 20/2025	Bumiputera T1	CIDB Gred: G1 Kategori: CE Pengkhususan: CE12 (Syarikat Berdaftar di SABAH SAHAJA)	Pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga boleh diakses mulai daripada 28 Julai 2025 (Isnin) hingga 04 Ogos 2025 (Isnin) https://www.kpkt.gov.my	Penghantaran Dokumen Sebut Harga secara serahan TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga: Tempat: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Pejabat Wilayah 6, Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek, Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamuning, 88000 Kota Kinabalu, Sabah 11 Ogos 2025 (Isnin) 12.00 Tengah Hari

Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun dibawah tanggungjawab penyebutharga. Namun penyebutharga boleh membuat lawatan tapak ke tapak cadangan seperti alamat dan koordinat di bawah dan sebarang persoalan mengenai tapak boleh menghubungi Unit Kejuruteraan Awam Dan Struktur (UKAS) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Siti Ana Nuriena Binti Mohd Kholid (03-88913691) sebelum 11 Ogos 2025.

Tapak Projek:
Di Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Tamu Square Cultural Street Ranau, Sabah
(Koordinat : 5.954304 , 116.676634)

* Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% Milik Tempatan

L13/1

Sr SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**PROJEK : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK
PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET
RANAU, SABAH**

NO.SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/20/2025

Nota Penting :

1. Pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga akan dapat diakses di laman sesawang KPKT mulai 28 Julai 2025 (Isnin) sehingga 04 Ogos 2025 (Isnin).
2. Penyebut Harga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Sebut Harga **SECARA TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Sebut Harga dan adalah menjadi **TANGGUNGJAWAB** penyebut harga untuk memastikan dokumen sebut harga diterima di alamat yang telah dinyatakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy) dan telah lengkap diisi.
4. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya di dapati terdapat Penyebut Harga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut Harga.
5. Penyebut Harga yang berhasrat untuk menyertai Sebut Harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran Penyebut Harga akan ditolak.
6. Penyebut Harga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang maklumat perubahan/tambahan dokumen Sebut Harga sepanjang tempoh perolehan/ sehingga tarikh tutup Sebut Harga di laman sesawang KPKT.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.
8. Sekiranya terdapat addendum yang akan dikeluarkan, Penyebut Harga perlu memastikan untuk menyemak pautan ini : https://drive.google.com/drive/folders/1Pk-Z0gjnXfV4iAi0l-3rZqEApirVJVb3?usp=drive_link dari semasa ke semasa.



Sr SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Keluruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan